



Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin (kiri) mengadakan Lawatan ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Klinik Kesihatan Rembau, Negeri Sembilan hari ini.

585 bebuli vaksin Pfizer-BioNTech rosak dipulangkan

Oleh NOR AINNA HAMZAH 10 Mac 2021, 6:22 pm

REMBAU – Sebanyak 585 bebuli vaksin Pfizer-BioNTech rosak yang diterima kerajaan dipulangkan semula kepada syarikat pengeluar kerana didapati berlaku perubahan suhu yang tidak diterima oleh pihak Kementerian Kesihatan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin berkata, bagaimanapun jumlah yang berkenaan adalah kecil berbanding dengan jumlah vaksin yang diterima negara iaitu sebanyak lebih 500,000.

Menurutnya, pemulangan vaksin rosak berkenaan perlu dibuat berikutan terdapat perubahan suhu ketika dalam penyimpanan iaitu daripada kilang di Belgium ke negara ini.

“Suhu penyimpanan itu telah meningkat daripada -70 kepada suhu yang tidak boleh diterima oleh pihak Kementerian Kesihatan. Bagaimanapun, pihak Pfizer- BioNTech akan mengantikan semula dos vaksin berkenaan kepada kita.

“Buat masa ini, tiada kes serius membabitkan pengambilan vaksin ini dan jika ada alahan, reaksi alegik, kebanyakan ia dapat diselesaikan dalam tempoh masa 24 jam,” katanya.

Laman web ini akan menyimpan

dan akan juga di Padline

Vaksin (PPV) Klinik Kesihatan

pengalaman sepanjang berada di

Sementara itu, Khairy


berkata demikian kepada pemberita selepas membuat lawatan ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Klinik Kesihatan Rembau, di sini, hari ini.

Sementara itu, Khairy turut meminta orang ramai termasuk bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak supaya memahami proses serta kelancaran pemberian vaksin kepada rakyat di negara ini.

Menurutnya, tidak ada keperluan untuk mempercepatkan pemberian vaksin kepada rakyat Malaysia memandangkan jumlah vaksin yang diterima bagi fasa pertama adalah sekitar lebih 500,000 dos vaksin sahaja.

"Buat masa ini kadar yang menerima vaksin adalah baik. Kita nak simpan dos kedua untuk mereka yang sudah terima tetapi bila lebih banyak lagi vaksin yang sampai bermula bulan Mei ke atas, barulah kadar (pemberian suntikan vaksin) meningkat.

"Buat masa ini, nak selesaikan semua tapi tak ada vaksin nak buat apa...? Datuk Seri Najib tak faham, dia ingat kita boleh buat cepat tapi vaksin belum sampai lagi, lainlah kalau dia nak beli," katanya. – K! ONLINE.




POPULAR



Rakyat Korea Selatan dibebani kerja

11 Mac 2021, 8:00 am



Ada masalah peribadi – Hannah Delisha bersuara


11 Mac 2021, 12:04 am


Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

SETUJU

Lelaki hilang selepas COD iPhone

10 Mac 2021, 11:18 pm





Liga Premier : Kuching City gagal jinak TFC II

10 Mac 2021, 11:18 pm



BERITA BERKAITAN



Laman web ini akan menyimpan maklumat anda dan menggunakan data cookies untuk meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.


SETUJU

Rakyat Korea Selatan dibebani kerja



Ada masalah peribadi – Hannah Delisha bersuara

11 Mac 2021, 12:04 am



Lelaki hilang selepas COD iPhone

10 Mac 2021, 11:18 pm



Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berinteraksi dengan laman web kami.

SETUJU



Buaya 4.8 meter ditangkap

10 Mac 2021, 10:39 pm



PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.